

# Seni Silat dalam filem Indonesia

Oleh ZAINUDDIN AYIP

**Filem silat - 2 DEC 1990**  
Indonesia ternyata tidak sekadar popular di republik itu, tetapi juga di luar negara. Kelebihannya, cerita yang digarap ada unsur sejarah atau lebih tepat mengenai legenda keagungan masyarakat Melayu dahulu kala

B. Minggu (M)



□ RATNO Timoer (dua dari kiri) dalam filem terbarunya, Lembah Maut yang memuatkan banyak adegan silat.



□ JOICE Erna, pelakon utama filem mistik dan silat Indonesia.

K

ALANGAN peminat filem Indonesia di Malaysia, judul-judul filem seperti Pahlawan Sembilan, Si Buta Dari Gua Hantu, Si Pitung, Nyi Blorong dan Penangkal Ilmu Teluh memang sukar dilupakan, malahan, semacam jadi nostalgia pula. *FILM USAHA MELAYU*

Filem itu menawarkan banyak adegan silat dan seni mempertahankan diri.

Ini ditambah pula filem mistik yang turut mengandungi adegan silat seperti Sundel Bolong, Santet, Arwah Penasaran, Sumpah Pucung, Setan Kuburan, Gara-gara Isteri Muda, Puteri Kontilanak dan Malam Satu Suro. B. Minggu (M)

Kehadiran begitu banyak filem silat Indonesia membuktikan ia tidak kalah dengan filem silat buatan Hong Kong, malahan, ada pemilik pawagam di negara Barat berminat menayangkan filem seperti itu yang dianggap suatu kelainan. - 2 DEC 1990

Sejak tahun 70-an, filem silat Indonesia menghadirkan barisan pelakon terkenal seperti Ratno Timoer, W D Mochtar, Dicky Zulkarnaen dan diikuti generasi penerus seperti Barry Prima, George Rudy, Advent Bangun dan Willy Dozan.

Memang, filem-filem seperti itu tidak pernah kehilangan penonton. Penerbit terus berminat membuat filem silat dan seni mempertahankan diri serta adegan terbang dan



□ SATU daripada adegan dalam filem Saur Sepuh.

menghilang, walaupun terpaksa bersaing dengan filem bertema komedi dan drama masyarakat.

Filem silat *Saur Sepuh* arahan Imam Tontawi, misalnya adalah filem terlaris sepanjang zaman dunia perfileman Indonesia. Berdasarkan jumlah penonton di tujuh bandar utama pada 1988, filem itu mencatat lebih 2.27 juta penonton. Filem *Nyi Blorong* muncul sebagai filem terlaris tahun 1982 dengan 780,000 penonton.

Ratno Timoer yang popular menerusi filem-filem silat yakin pasaran terhadap filem-filem seperti itu memang ada sampai bila-bila terutama di kampung-kampung.


"Penonton luar negara memang mahu melihat seni silat Indonesia menerusi filem-filem seperti ini. Kami pula menawarkan teknik penggambaran terbaik yang tidak kalah daripada filem buatan Hong Kong," katanya.

Pelakon veteran W D Mochtar juga tidak kalah menunjukkan ketangkasannya bersilat. Walaupun sudah berusia 62 tahun, dia masih kelihatan gagah dan mampu bersilat dengan baik.

Kini, dia sedang membintangi filem terbaru, *Pendekar Cabe Rawit* (Pendekar Cili Padi) keluaran PT Garuda Filem.

"Saya masih mahu berlakon filem silat selain filem bertemakan drama masyarakat," kata Mochtar yang sudah berlakon lebih 100 filem.

Filem silat Indonesia ternyata tidak sekadar popular di republik itu, tetapi juga di luar



□ FILEM silat Indonesia mampu tembusi pasaran antarabangsa - Ratno